



1 Jun 2011  
1 June 2011  
P.U. (A) 180

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK (PINDAAN) 2011

*ARCHITECTS (AMENDMENT) RULES 2011*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ARKITEK 1967

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK (PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*], Lembaga Arkitek Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Arkitek (Pindaan) 2011**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2011.

**Pindaan ayat mengundang-undangan**

2. Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 [*P.U. (A) 379/1996*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam ayat mengundang-undangan dengan menggantikan perkataan “Lembaga Arkitek” dengan perkataan “Lembaga Arkitek Malaysia”.

**Pindaan am**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

(a) dengan menggantikan perkataan “Pelukis Pelan Bangunan berdaftar” dan “PELUKIS PELAN BANGUNAN BERDAFTAR” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pelukis Pelan Bangunan” dan “PELUKIS PELAN BANGUNAN”, masing-masing;

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “registered Building Draughtsmen” dan “REGISTERED BUILDING DRAUGHTSMEN” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Building Draughtsmen” dan “BUILDING DRAUGHTSMEN”, masing-masing; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “Arkitek berdaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Arkitek Graduan”.

## **Pindaan kaedah 2**

4. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

(a) dengan menggantikan takrif “Lembaga” dengan takrif yang berikut:

‘ “Lembaga” ertinya Lembaga Arkitek Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta;’; dan

(b) dengan menggantikan takrif “Yang Dipertua” dengan takrif yang berikut:

‘ “Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Lembaga Arkitek Malaysia yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta.’

## **Pindaan kaedah 11**

5. Kaedah 11 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ratus” dengan perkataan “satu ribu”.

## **Pindaan kaedah 17**

6. Kaedah 17 Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Bentuk permohonan” dengan perkataan “Permohonan untuk pendaftaran”;

(b) dalam perenggan (a)-

(i) dengan menggantikan perkataan “atau Pelukis Pelan Bangunan berdaftar” dengan perkataan “, Pelukis Pelan Bangunan atau Pereka Bentuk Dalaman”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “atau seksyen 22” dengan perkataan “seksyen 22 atau 27c”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “dalam Borang A, B, C, atau D, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “mengikut cara yang akan ditentukan oleh Lembaga”.

### **Pindaan kaedah 20**

7. Kaedah 20 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau Pelukis Pelan Bangunan berdaftar” dengan perkataan “, Pelukis Pelan Bangunan atau Pereka Bentuk Dalaman”.

### **Pindaan kaedah 21**

8. Kaedah 21 Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

(a) dengan menggantikan perkataan “atau Pelukis Pelan Bangunan berdaftar” dengan perkataan “, Pelukis Pelan Bangunan atau Pereka Bentuk Dalaman”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “Borang E, F, G, atau H” dengan perkataan “Borang A, B, C, D atau E”.

### **Pindaan kaedah 22**

9. Kaedah 22 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Tiap-tiap Pereka Bentuk Dalaman yang berhasrat untuk membaharui pendaftarannya di bawah subseksyen 27C(4) Akta hendaklah memohon kepada Lembaga secara bertulis pada atau sebelum 31 Januari bagi tahun berikutan tahun pendaftarannya habis tempoh, dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi pembaharuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama.”.

### **Pindaan kaedah 24**

10. Kaedah 24 Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

(a) dengan memasukkan selepas subkaedah (1A) subkaedah yang berikut:

“(1B) Mana-mana Pereka Bentuk Dalaman yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar menurut perenggan 27H(b) Akta kerana kegagalan membaharui pendaftarannya hendaklah dalam masa lima tahun dari pembatalan itu, apabila memberitahu Pendaftar akan

hasratnya untuk dimasukkan semula menurut subseksyen 271(2) Akta, secara bertulis menyatakan butir-butir pengajian atau pekerjaannya pada tarikh pemberitahuannya kepada Pendaftar.”; dan

- (b) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perkataan “atau (1A)” dengan perkataan “, (1A) atau (1B)”.

### **Pindaan kaedah 28**

11. Kaedah 28 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (3) subkaedah yang berikut:

“(4) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah dalam menjalankan profesionnya, mematuhi dan berpandukan peruntukan Kod Tatakelakuan untuk Pereka Bentuk Dalaman dalam Bahagian Tiga Jadual Kedua.”.

### **Pindaan kaedah 29**

12. Kaedah 29 Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

- (a) dalam subkaedah (1) –

(i) dengan menggantikan perkataan “Kaedah-Kaedah Arkitek (Skel Fee Minimum) 1986” dengan perkataan “Kaedah-Kaedah Arkitek (Skala Fi Minimum) 2010”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “Jadual Keempat” dengan perkataan “Bahagian Satu Jadual Keempat”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Kecuali dengan kelulusan Lembaga yang diberi terlebih dahulu atas sebab khas, seseorang Pereka Bentuk Dalaman hanya boleh membuat suatu perjanjian yang melibatkan perkhidmatannya mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat dalam Bahagian Tiga Jadual Ketiga dan Memorandum Perjanjian dalam Bahagian Dua Jadual Keempat.”.

### **Pindaan kaedah 30**

13. Kaedah 30 Kaedah-Kaedah ibu dipinda-
- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Borang permohonan dan fi” dengan perkataan “Permohonan dan fi”; dan
  - (b) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “dalam Borang I, J atau K, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “mengikut cara yang akan ditentukan oleh Lembaga”.

### **Pindaan kaedah 31**

14. Kaedah 31 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang L, M atau N” dengan perkataan “Borang F, G atau H”.

### **Pindaan kaedah 32**

15. Subkaedah 32(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang L, M atau N” dengan perkataan “Borang F, G atau H”.

### **Bahagian baru VA**

16. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian V Bahagian yang berikut:

#### **“BAHAGIAN VA**

#### **PENDAFTARAN PENGAMAL PERUNDINGAN REKA BENTUK DALAMAN**

- |                   |  |
|-------------------|--|
| Permohonan dan fi | 32B. (1) Sesuatu ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai suatu pengamal perundingan reka bentuk dalaman di bawah seksyen 27E Akta hendaklah mengemukakan suatu permohonan kepada Lembaga mengikut cara yang akan ditentukan oleh Lembaga. |
|-------------------|--|

(2) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran hendaklah disertakan dengan –

(a) fi pemprosesan sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama, yang tidak boleh dibayar balik; dan

(b) fi pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama, yang hendaklah dibayar balik kepada pemohon yang tidak berjaya dalam permohonannya.

Perakuan pendaftaran

32C. Apabila permohonan yang dibuat bagi pendaftaran pengamal perundingan reka bentuk dalaman di bawah kaedah 32B diluluskan oleh Lembaga, Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pemohon dalam Borang I atau J, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembaharuan perakuan pendaftaran

32D. (1) Tiap-tiap pengamal perundingan reka bentuk dalaman yang berhasrat untuk pembaharui perakuan pendaftaran yang telah dikeluarkan menurut kaedah 32C hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Lembaga untuk pembaharuan pada atau sebelum 31 Januari dalam tahun berikutan tahun perakuan pendaftaran itu habis tempoh, dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi pembaharuan sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama.

(2) Setelah menerima apa-apa permohonan bagi pembaharuan dan fi pembaharuan yang ditetapkan, Lembaga

hendaklah mengeluarkan kepada pengamal perundingan reka bentuk dalaman itu suatu perakuan pendaftaran dalam Borang I atau J, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Fi pemasukan semula

32E. (1) Mana-mana pengamal perundingan reka bentuk dalaman yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar menurut perenggan 27H(b) Akta oleh sebab kegagalan untuk membaharui pendaftarannya hendaklah dalam masa lima tahun daripada namanya dikeluarkan itu, apabila memberitahu Pendaftar akan hasratnya untuk dimasukkan semula menurut subseksyen 27I(2) Akta, menyatakan secara bertulis butir-butir amalannya pada tarikh pemberitahuannya kepada Pendaftar.

(2) Tiap-tiap pemberitahuan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan fi pemasukan semula sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian Dua Jadual Pertama.”.

### **Pindaan Jadual Pertama**

17. Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

(a) dalam Bahagian Pertama-

(i) dengan menggantikan Borang A dengan Borang yang berikut:

“BORANG A  
AKTA ARKITEK 1967  
KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996  
[*Kaedah 21*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI  
ARKITEK GRADUAN

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

Nama Penuh:.....

No. Pendaftaran:.....

setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan sebagai seorang Arkitek Graduan di bawah dan tertakluk kepada peruntukan Akta.

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember .....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....”;

- (ii) dengan menggantikan Borang B dengan Borang yang berikut:

“BORANG B  
AKTA ARKITEK 1967  
KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996  
[*Kaedah 21*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA  
PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI  
ARKITEK PROFESIONAL

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

Nama Penuh: .....

No. Pendaftaran:.....

setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan sebagai seorang Arkitek Profesional di bawah dan tertakluk kepada peruntukan Akta.

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember.....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....”;

(iii) dengan menggantikan Borang C dengan Borang yang berikut:

“BORANG C  
AKTA ARKITEK 1967  
KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996  
[*Kaedah 21*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA  
PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI  
PELUKIS PELAN BANGUNAN

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

Nama Penuh: .....

No. Pendaftaran:.....

setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan sebagai seorang Pelukis Pelan Bangunan di bawah dan tertakluk kepada peruntukan Akta bagi kawasan di bawah had Pihak Berkuasa Bangunan yang berikut:

.....  
.....

dan selanjutnya tertakluk kepada sekatan yang berikut:

(1) dia boleh mengemukakan pelan hanya kepada dan setakat had Pihak Berkuasa Bangunan yang dinyatakan di atas; dan

\**(2) (a)* dia hendaklah berhak hanya untuk mengemukakan pelan bangunan yang tidak melebihi dua tingkat tingginya dan tidak melibatkan kerja konkrit bertetulang atau rangka keluli binaan kecuali lintol yang rentang ruangnya tidak melebihi 2.5 meter

dengan syarat bahawa jumlah luasnya lantai yang dibina tidak melebihi 300 meter persegi dalam mana-mana satu projek yang dikemukakan untuk kelulusan;

(b) dia hendaklah berhak untuk mengemukakan pelan bangunan yang tidak melebihi satu tingkat tingginya dan tidak melibatkan kerja konkrit bertetulang atau rangka keluli binaan kecuali lintol yang rentang ruangnya tidak melebihi 2.5 meter dengan syarat bahawa jumlah luasnya lantai yang dibina tidak melebihi 100 meter persegi dalam mana-mana satu projek yang dikemukakan untuk kelulusan; atau

(c) .....  
.....  
.....

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember .....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....

---

*\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan\*;*

(iv) dengan menggantikan Borang D dengan Borang yang berikut:

“BORANG D  
AKTA ARKITEK 1967  
KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996  
[*Kaedah 21*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA  
PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI  
PEREKA BENTUK DALAMAN

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

Nama Penuh: .....

No.Pendaftaran: .....

setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan sebagai seorang Pereka Bentuk Dalaman di bawah dan tertakluk kepada peruntukan Akta.

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember.....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....”;

(v) dengan menggantikan Borang E dengan Borang yang berikut:

“BORANG E

AKTA ARKITEK 1967

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996

[*Kaedah 21*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN SEMENTARA  
ARKITEK ASING SEBAGAI ARKITEK PROFESIONAL

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

Nama Penuh:.....

No. Pendaftaran:.....

setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan  
sementara sebagai seorang Arkitek Profesional di bawah dan  
tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah ini:

.....  
.....

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember .....

Meterai Perbadanan:

.....

*Yang Dipertua*

.....

*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....”;

(vi) dengan menggantikan Borang F dengan Borang yang berikut:

“BORANG F

AKTA ARKITEK 1967

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996

[*Kaedah 31*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI  
PENGAMAL PERUNDINGAN SENI BINA

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

.....  
suatu \*ketuanpunyaan tunggal/perkongsian dengan No.  
Pendaftaran:.....

setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan  
sebagai suatu pengamal perundingan seni bina menurut seksyen  
7A Akta.

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember.....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan:.....

---

*\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan”;*

(vii) dengan menggantikan Borang G dengan Borang yang berikut:

“BORANG G

AKTA ARKITEK 1967

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996

[*Kaedah 31*]

[No. Perakuan:.....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI  
PENGAMAL PERUNDINGAN SENI BINA

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

.....  
suatu pertubuhan perbadanan dengan No. Pendaftaran:.....  
setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan  
sebagai suatu pengamal perundingan seni bina menurut seksyen  
7A Akta.

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember.....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....”;

(viii) dengan menggantikan Borang H dengan Borang yang berikut:

“BORANG H  
AKTA ARKITEK 1967  
KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996  
[*Kaedah 31*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA  
PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI  
PENGAMAL PERUNDINGAN SENI BINA

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

.....  
suatu pertubuhan perbadanan dengan No. Pendaftaran:.....  
setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan  
sebagai suatu pengamal perundingan seni bina menurut seksyen  
7B Akta.

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember.....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....”;

(ix) dengan menggantikan Borang I dengan Borang yang berikut:

“BORANG I

AKTA ARKITEK 1967

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996

[*Kaedah 32c*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI  
PENGAMAL PERUNDINGAN REKA BENTUK DALAMAN

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

.....  
suatu \*ketuanpunyaan tunggal/perkongsian dengan No.  
Pendaftaran:.....

setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan sebagai  
suatu pengamal perundingan reka bentuk dalaman menurut  
seksyen 27E Akta.

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember .....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....

---

*\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan”;*

- (x) dengan menggantikan Borang J dengan Borang yang berikut:

“BORANG J

AKTA ARKITEK 1967

KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996

[*Kaedah 32c*]

[No. Perakuan: .....]

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGAMAL  
PERUNDINGAN REKA BENTUK DALAMAN

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA

.....

suatu pertubuhan perbadanan dengan No. Pendaftaran:.....  
setelah mematuhi kehendak Akta Arkitek 1967 didaftarkan sebagai  
suatu pengamal perundingan reka bentuk dalaman menurut  
seksyen 27E Akta.

Perakuan pendaftaran ini habis tempoh pada 31 Disember.....

Meterai Perbadanan:

.....  
*Yang Dipertua*

.....  
*Pendaftar*

Tarikh Dikeluarkan: .....”; dan

- (xi) dengan memotong Borang K, Borang L, Borang M dan Borang N;  
dan

(b) dengan menggantikan Bahagian Dua dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN DUA

[Kaedah 20, 22, 24, 25, 30, 32, 32A, 32B, 32D dan 32E]

FI UNTUK PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN DAN PEMASUKAN SEMULA PENDAFTARAN, DAN PENAMBAHAN ATAU PERUBAHAN KAWASAN OPERASI YANG DILULUSKAN

Butiran	Butir-butir pemohon	Fi pemrosesan (RM) (kaedah 20, subkaedah 30(2) dan subkaedah 32B(2))	Fi pendaftaran (RM) (kaedah 20, subkaedah 30(2) dan subkaedah 32B(2))	Fi pembaharuan (RM) (kaedah 22, subkaedah 32(1) dan subkaedah 32D(1))	Fi pemasukan semula (RM) (subkaedah 24(2), 32A(2) dan 32E(2))	Fi untuk penambahan/ perubahan kawasan operasi yang diluluskan (RM) (kaedah 25)
1.	Arkitek Graduan	50.00	75.00	50.00	75.00	Tidak berkenaan
2.	Arkitek Profesional	50.00	300.00	200.00	300.00	Tidak berkenaan
3.	Pelukis Pelan Bangunan	50.00	200.00	100.00	200.00	30.00 (bagi setiap kawasan operasi yang diluluskan)
4.	Pereka Bentuk Dalaman	50.00	250.00	150.00	250.00	Tidak berkenaan
5.	Arkitek asing (pendaftaran sementara)	50.00	1000.00	1000.00	1000.00	Tidak berkenaan
6.	Pengamal perundingan seni bina:					
	(a) Pertubuhan perbadanan	50.00	1000.00	1000.00	1000.00	Tidak berkenaan
	(b) Perkongsian	50.00	1000.00	1000.00	1000.00	Tidak berkenaan
	(c) Ketuanpunyaan tunggal	50.00	500.00	500.00	500.00	Tidak berkenaan
7.	Pengamal perundingan reka bentuk dalaman:					
	(a) Pertubuhan perbadanan	50.00	750.00	750.00	750.00	Tidak berkenaan
	(b) Perkongsian	50.00	750.00	750.00	750.00	Tidak berkenaan
	(c) Ketuanpunyaan tunggal	50.00	450.00	450.00	450.00	Tidak berkenaan

**Pindaan Jadual Kedua**

18. Jadual Kedua kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

(a) dalam Bahagian Satu, dengan memasukkan selepas subperenggan 5(1) subperenggan yang berikut:

“(1A) Seseorang Arkitek Profesional apabila diminta atau diarahkan untuk meneruskan kerja profesional yang dia tahu atau boleh menentukan dengan membuat pertanyaan munasabah bahawa seorang Arkitek Profesional lain telah pun dilantik hendaklah, sebelum meneruskan kerja itu, berhubung secara bertulis dengan Arkitek Profesional yang lain itu dan mendapatkan surat pelepasan daripadanya atau mendapatkan surat sedemikian melalui bakal kliennya, dengan syarat bahawa kehendak ini boleh diketepikan mengikut budi bicara Lembaga.”.

(b) dalam Bahagian Dua-

(i) dalam perenggan 4 teks bahasa Inggeris-

(A) dalam subperenggan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “credit” tanda noktah;

(B) dalam subperenggan (5), dengan memasukkan selepas perkataan “advertisement” perkataan “is”;

(C) dalam subperenggan (8), dengan menggantikan perkataan “fora” dengan perkataan “a forum”;

(ii) dalam perenggan 5, dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan yang berikut:

“(1A) Seseorang Pelukis Pelan Bangunan apabila diminta atau diarahkan untuk meneruskan kerja yang dia tahu atau boleh menentukan dengan membuat pertanyaan munasabah

bahawa seseorang lain yang berdaftar di bawah Akta telah pun dilantik hendaklah, sebelum meneruskan kerja itu, berhubung secara bertulis dengan orang itu dan mendapatkan surat pelepasan daripadanya atau mendapatkan surat sedemikian melalui bakal kliennya dengan syarat bahawa kehendak ini boleh diketepikan mengikut budi bicara Lembaga.”.

(c) dengan memasukkan selepas Bahagian Dua dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN TIGA

KOD TATAKELAKUAN UNTUK PEREKA BENTUK DALAMAN

[*Subkaedah 28(4)*]

- |   |   |
|---|---|
| Matlamat<br>Kod.                            | 1. Matlamat Kod Tatakelakuan adalah untuk menggalakkan standard tatakelakuan profesional dan disiplin diri yang dikehendaki daripada Pereka Bentuk Dalaman demi kepentingan awam.   |
| Pematuhan<br>Akta dan<br>kaedah-<br>kaedah. | 2. (1) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah sebelum memulakan suatu pengamal perundingan reka bentuk dalaman mengemukakan kepada Lembaga nama pengamal perundingan reka bentuk dalaman yang dicadangkan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga.<br><br>(2) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman tidak boleh menubuhkan suatu pejabat cawangan melainkan jika pejabat cawangan itu dikendalikan mengikut garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga.<br><br>(3) Semua kepala surat hendaklah menyenaraikan hanya nama tuan punya tunggal, pekongsi atau pengarah |

dengan kelayakan dan jawatan mereka masing-masing.

(4) Seseorang Pereka Bentuk Dalam boleh dibenarkan memasukkan apa-apa pengumuman atau pengucapan tahniah dalam akhbar yang mengikut garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(5) Seseorang Pereka Bentuk Dalam boleh menggunakan kad perniagaan yang hendaklah mengandungi butir-butir yang tepat mengenai kelayakan dan jawatannya.

(6) Seseorang Pereka Bentuk Dalam boleh-

(a) mempamerkan suatu papan tanda yang mengandungi nama amalannya di luar pejabat atau pejabat cawangannya, jika ada; atau

(b) mempamerkan namanya atau nama amalannya pada suatu papan tanda, jika perkhidmatan perundingan reka bentuk dalam berkenaan dengan projek itu pada masa ini diberikan olehnya atau amalannya,

dengan syarat bahawa semua kehendak statutori berhubung dengan papan tanda telah dipatuhi dan papan tanda itu adalah mengikut garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga.

Pelaksanaan  
kewajipan  
dan obligasi  
dengan setia.

3. (1) Seseorang Pereka Bentuk Dalam hendaklah mengekalkan suatu standard perkhidmatan dan kewibawaan dalam bidang yang berkaitan dengan kerjanya dengan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahirannya secara berterusan.

(2) Seseorang Pereka Bentuk Dalam hendaklah memastikan bahawa pekerjaanya adalah berwibawa dan diselia secukupnya untuk melaksanakan tugas sehingga ke suatu standard yang lazimnya dijangka dan diterima oleh profesion itu, dan tidak boleh dengan salah nyataan, fraud atau perdayaan melemahkan keyakinan orang yang berurusan dengan Pereka Bentuk Dalam itu atau pekerjaanya.

(3) Seseorang Pereka Bentuk Dalam hendaklah mentadbirkan kontrak reka bentuk dalam secara berwibawa dan bertanggungjawab dan hendaklah saksama dalam apa-apa pertikaian yang mungkin timbul antara klien dengan kontraktor bangunan.

(4) Seseorang Pereka Bentuk Dalam hendaklah hanya memberikan perkhidmatan jika dia boleh memastikan bahawa dia mempunyai pengetahuan, keupayaan dan sumber yang secukupnya untuk memenuhi komitmennya kepada kliennya dalam tiap-tiap hal.

(5) Seseorang Pereka Bentuk Dalam hendaklah menggunakan standard kemahiran dan ketekunan yang munasabah yang lazimnya dijangka dan diterima oleh profesionnya berkenaan dengan tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) segala bentuk pemerakuan;
- (b) pentadbiran kontrak;
- (c) penyeliaan tapak; dan
- (d) pematuhan kehendak statutori.

(6) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah sebelum memulakan perkhidmatan, memberitahu klien secara bertulis mengenai syarat-syarat guna khidmat, fi dan caj, termasuk cara pengiraan fi, berkenaan dengan yang berikut:

- (a) skop kerja;
- (b) pembahagian tanggungjawab;
- (c) had tanggungjawab, jika ada; dan
- (d) penamatan perkhidmatan,

dan hendaklah, dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan disampaikan dengan sewajarnya kepada klien itu, mendapatkan persetujuan klien itu secara bertulis berkenaan dengan syarat-syarat guna khidmat, fi dan caj itu.

(7) Walau apa pun subperenggan (6), jika persetujuan klien secara bertulis tidak diperoleh dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperenggan (6) tetapi melalui kelakuannya klien bersetuju dengan syarat-syarat guna khidmat, fi dan caj, klien itu hendaklah bagi maksud subperenggan (6) dianggap telah bersetuju dengan syarat-syarat guna khidmat, fi dan caj itu.

(8) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah, dalam masa memberikan perkhidmatannya memastikan bahawa dia tidak melanggar semua Akta dan Peraturan-Peraturan berhubung dengan keselamatan orang awam.

Integriti.

4. (1) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman tidak boleh, semasa mengamalkan profesionnya, menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa tred atau perniagaan yang tidak selaras dengan penunaian sesuai dan sepatutnya

kewajipannya, dan dia tidak boleh memegang, menyandang atau dengan disedarinya menerima suatu kedudukan dalam tred atau perniagaan itu yang kepentingannya bercanggah dengan kewajipannya.

(2) Seseorang Pereka Bentuk Dalamannya tidak boleh mengendors mana-mana bahan, komponen, perkhidmatan atau produk yang berhubungan dengan industri pembinaan dengan menggunakan pernyataan perbandingan.

(3) Seseorang Pereka Bentuk Dalamannya tidak boleh membuat pernyataan atau tuntutan yang mengelirukan, memperdaya atau palsu mengenai kelayakan, pengalaman atau prestasi kerjanya dan hendaklah menyatakan dengan tepat skop dan jenis tanggungjawabnya yang berkaitan dengan kerja yang diakui telah dilaksanakannya.

(4) Seseorang Pereka Bentuk Dalamannya boleh menerbitkan atau mengizinkan penerbitan-

(a) ilustrasi, artikel atau apa-apa persembahan media yang lain mengenai mana-mana projek yang baginya dia bertanggungjawab, sama ada secara individu atau bekerjasama dengan orang lain; atau

(b) mana-mana subjek yang dia, sama ada secara individu atau bekerjasama dengan orang lain, telah menulis dalam bentuk artikel, pekeliling, brosur, buku atau apa-apa persembahan media yang lain,

dengan syarat bahawa ilustrasi, artikel, pekeliling, brosur, buku atau apa-apa persembahan media yang lain mengenai projek atau subjek itu adalah berdasarkan fakta, berkaitan, tidak mengelirukan atau adil kepada orang lain.

(5) Seseorang Pereka Bentuk Dalam boleh mengeluarkan iklan mengenai perkhidmatannya melalui apa-apa cara umum, jika iklan itu mengikut garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(6) Bagi semua perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (4) dan (5), penerbitan atau mana-mana iklan lain yang dibenarkan mengenai perkara sedemikian tidak boleh mengandungi apa-apa perihalan perbandingan atau superlatif mengenai Pereka Bentuk Dalam itu atau amalannya.

(7) Seseorang Pereka Bentuk Dalam boleh mengeluarkan iklan bagi panggilan tender mengenai suatu projek, suatu pelantikan atau perubahan butir-butir mengenai amalannya, jika iklan itu mengikut garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(8) Seseorang Pereka Bentuk Dalam boleh mengambil bahagian dalam forum atau ditemu ramah oleh media mengikut cara yang tidak selainnya dilarang oleh Kod ini, jika tujuan forum atau temu ramah itu adalah untuk menggalakkan minat dalam reka bentuk dalaman, profesion itu atau alam bina.

(9) Seseorang Pereka Bentuk Dalam hendaklah menghormati kerahsiaan urusan kliennya dan tidak boleh menzahirkan maklumat rahsia tanpa kebenaran bertulis

daripada kliennya terlebih dahulu, melainkan jika diperintahkan oleh mahkamah atau pihak berkuasa yang sah yang lain.

(10) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman tidak boleh memberikan atau menawarkan saraan atau dorongan lain untuk memperkenalkan seorang klien atau suatu kerja.

(11) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman tidak boleh menerima apa-apa diskaun, hadiah, komisen atau apa-apa bentuk dorongan daripada kontraktor, pekedai atau pembekal yang berkaitan dengan kerja dan kewajipan yang diamanahkan kepadanya dan tidak boleh membenarkan pekerjaanya menerima diskaun, hadiah, komisen atau dorongan itu.

(12) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman tidak boleh membenarkan supaya dimasukkan apa-apa fasal dalam tender, bil kuantiti atau dokumen kontrak yang lain yang memperuntukkan bagi pembayaran dibuat kepadanya oleh kontraktor walau apa pun pertimbangannya, melainkan jika ia mengikut garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga dan diketahui sepenuhnya oleh kliennya.

(13) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman jika dilantik sebagai seorang anggota sesuatu badan kerajaan atau badan berkanun yang berkuasa untuk meluluskan permohonan pembangunan, hendaklah, jika dia mempunyai apa-apa kepentingan dalam permohonan itu mengisytiharkan kepentingannya dan tidak boleh mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan ke atas permohonan pembangunan itu yang dia atau amalannya terlibat secara langsung atau tidak langsung.

(14) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman tidak boleh gagal menzahirkan kepada kliennya, pemunya atau kontraktor mengenai hal keadaan yang penting yang diketahui olehnya yang boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan suatu percanggahan kepentingan dan hendaklah memastikan bahawa percanggahan itu tidak menjejaskan kepentingan sah orang itu atau mengganggu kewajipan Pereka Bentuk Dalaman membuat keputusan yang saksama mengenai pelaksanaan kontrak oleh orang lain.

(15) Perkhidmatan seseorang Pereka Bentuk Dalaman yang menjalankan perniagaan sebagai Pereka Bentuk Dalaman hendaklah disara hanya daripada fi yang kena dibayar oleh kliennya.

(16) Perkhidmatan seseorang Pereka Bentuk Dalaman yang diambil kerja hendaklah dibayar dengan gaji dan faedah lain yang dipersetujui dengan majikannya, dan dia hendaklah dilarang daripada menerima apa-apa sumber saraan yang lain yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan itu.

Menghormati hak dan kepentingan sah orang lain.

5. (1) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman tidak boleh cuba untuk mengambil alih kerja seorang lain yang berdaftar di bawah Akta ini yang telah diguna khidmat oleh seorang klien atau pun bersaing dengan seorang lain yang berdaftar di bawah Akta ini untuk mendapatkan kerja dengan cara mengurangkan fi atau selainnya.

(2) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman apabila diminta atau diarahkan untuk meneruskan kerja yang dia tahu atau boleh menentukan dengan membuat pertanyaan munasabah bahawa seseorang lain yang berdaftar di bawah

Akta ini telah pun dilantik hendaklah, sebelum meneruskan kerja itu, berhubung secara bertulis dengan orang itu dan mendapatkan surat pelepasan daripadanya atau mendapatkan surat sedemikian melalui bakal kliennya, dengan syarat bahawa kehendak ini boleh diketepikan mengikut budi bicara Lembaga.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Kod ini yang melarang seseorang Pereka Bentuk Dalaman yang merupakan pengarah suatu perbadanan berdaftar daripada menerima saraan untuk perkhidmatan sebagai seorang pengarah.

(4) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah pada setiap masa bertindak dengan menghormati orang lain yang berdaftar di bawah Akta ini.

### **Pindaan Jadual Ketiga**

19. Jadual Ketiga kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda-

(a) dalam Bahagian Satu-

- (i) dalam nota birai perenggan 1 teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "Profession-al" dengan perkataan "Professional";
- (ii) dalam nota birai perenggan 12 teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "representa-tive" dengan perkataan "representative";
- (iii) dalam perenggan 19, dengan memasukkan selepas perkataan "Arkitek Profesional yang lain untuk meneruskan projek itu" perkataan "dengan syarat bahawa kehendak surat pelepasan itu boleh diketepikan mengikut budi bicara Lembaga";

- (iv) dalam nota birai perenggan 20 teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “Profession-al” dengan perkataan “Professional”;
- (b) dalam perenggan 19 Bahagian Dua, dengan memasukkan selepas perkataan “Pelukis Pelan Bangunan berdaftar yang lain untuk meneruskan projek itu” perkataan “dengan syarat bahawa kehendak surat pelepasan itu boleh diketepikan mengikut budi bicara Lembaga”;
- (c) dengan memasukkan selepas Bahagian Dua Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN TIGA

SYARAT-SYARAT GUNA KHIDMAT  
PEREKA BENTUK DALAMAN

[Subkaedah 29(3)]

- |   |   |
|---|---|
| Perkhidmatan yang diberikan oleh Pereka Bentuk Dalaman. | 1. (1) Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah memberikan perkhidmatan sebagaimana yang diperihalkan dalam suatu perjanjian yang dibuat antaranya dengan klien.   |
|   | (2) Pereka Bentuk Dalaman hendaklah disara hanya daripada fi yang kena dibayar oleh klien untuk perkhidmatan yang diberikan olehnya.  |
| Guna khidmat perunding oleh klien.                      | 2. Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah menasihati klien tentang perlunya perunding lain diguna khidmat bagi mana-mana bahagian projek itu dan melainkan jika dipersetujui selainnya, perunding itu hendaklah diguna khidmat dan dibayar oleh klien. |
| Guna khidmat perunding oleh                             | 3. Seseorang Pereka Bentuk Dalaman boleh  |

- Pereka Bentuk Dalam.  
 dikehendaki untuk mengguna khidmat perundingnya sendiri dan jika guna khidmat itu diluluskan oleh klien, fi yang sepatutnya kena dibayar kepada perunding itu jika dia diguna khidmat secara berasingan hendaklah dibayar melalui Pereka Bentuk Dalam itu.
- Menyelaraskan kerja perunding.  
 4. Seseorang Pereka Bentuk Dalam hendaklah mengarahkan perunding dan menyelaraskan kerja perunding itu jika dikehendaki, sama ada perunding itu diguna khidmat menurut perenggan 2 atau 3.
- Pereka Bentuk Dalam tidak bertanggung terhadap perbuatan, dll. perunding yang diguna khidmat oleh klien.  
 5. Jika perunding diguna khidmat oleh klien bagi mana-mana bahagian projek menurut perenggan 2, Pereka Bentuk Dalam tidak akan bertanggung terhadap prestasi kerja, perbuatan atau peninggalan perunding itu.
- Pereka Bentuk Dalam bertanggungjawab terhadap perbuatan, dll. perunding yang diguna khidmat olehnya.  
 6. Jika perunding diguna khidmat bagi mana-mana bahagian projek menurut perenggan 3, Pereka Bentuk Dalam itu hendaklah terutamanya bertanggungjawab terhadap prestasi kerja, perbuatan atau peninggalan perunding itu.
- Persetujuan klien.  
 7. (1) Seseorang Pereka Bentuk Dalam hendaklah mendapatkan persetujuan bertulis daripada klien berkenaan dengan saraannya untuk perkhidmatan yang diberikan olehnya menurut subperenggan 1(1) dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan berkaitan dengan saraan itu disampaikan dengan sewajarnya kepada klien itu.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), jika persetujuan klien secara bertulis tidak diperoleh dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (1) tetapi klien itu melalui kelakuannya bersetuju mengenai syarat-syarat guna khidmat, fi dan caj, klien itu hendaklah bagi maksud subperenggan (1) dianggap telah bersetuju dengan syarat-syarat guna khidmat, fi dan caj itu.

Arahan atau perintah perubahan.

8. Seseorang Pereka Bentuk Dalaman tidak boleh mengeluarkan arahan atau perintah perubahan termasuk perubahan kepada reka bentuk, tanpa mendapatkan persetujuan daripada klien terlebih dahulu, melainkan jika—

(a) arahan atau perintah perubahan itu adalah kehendak statutori atau diperlukan atas sebab keselamatan;

(b) klien telah diberitahu secara bertulis mengenai tindakan yang telah diambil dengan secepat yang dapat dilaksanakan; dan

(c) amaun berkenaan dengan kerja perubahan itu adalah termasuk dalam suatu amaun yang telah dipersetujui terlebih dahulu secara bertulis antara klien dengan Pereka Bentuk Dalaman itu.

Pemeriksaan kerja.

9. Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah memeriksa kerja pada lat tempoh berkala dan jika pemeriksaan yang lebih kerap atau sepanjang masa

dianggap perlu oleh Pereka Bentuk Dalaman, Pereka Bentuk Dalaman itu –

(a) boleh mengesyorkan kepada klien supaya diambil kerja seorang penyelia kerja, Pereka Bentuk Dalaman residen atau personel lain, yang kos untuk mengambil kerja orang itu hendaklah ditanggung oleh klien itu; atau

(b) boleh, jika dipersetujui oleh klien, meminjamkan personel yang diambil kerja oleh Pereka Bentuk Dalaman itu untuk kerja itu, yang mana Pereka Bentuk Dalaman itu hendaklah dibayar ganti berdasarkan kos masa dikali dengan pengganda yang dipersetujui antaranya dengan klien itu.

Anggaran kos dan masa.

10. Seseorang Pereka Bentuk Dalaman hendaklah menyediakan anggaran bagi kos dan masa untuk projek itu disiapkan dan hendaklah memberitahu klien mengenai apa-apa perubahan matan dalam anggaran bagi kos dan masa itu.

Klien hendaklah menyediakan semua maklumat.

11. Klien hendaklah menyediakan semua maklumat yang perlu untuk Pereka Bentuk Dalaman itu mengenai kehendaknya bagi projek itu untuk membolehkan Pereka Bentuk Dalaman itu meneruskan kerjanya, termasuk butir-butir mengenai kerja ukur dan hakmilik tapak itu, struktur yang sedia ada dan ciri tapak itu, keadaan di bawah aras bumi dan tapak bersempadan, melainkan jika dipersetujui butir-

butir sedemikian hendaklah disediakan oleh Pereka Bentuk Dalam di bawah perjanjian yang dibuat antaranya dengan klien itu.

Wakil klien yang diberi kuasa.

12. Klien hendaklah menetapkan, jika perlu, seorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihaknya berkenaan dengan projek itu.

Arahan kepada kontraktor.

13. Klien hendaklah hanya mengeluarkan arahan kepada kontraktor bangunan melalui Pereka Bentuk Dalam berkenaan dengan kerja bagi projek itu.

Klien hendaklah memberikan keputusan segera.

14. Klien hendaklah memberikan keputusan dalam masa yang munasabah mengenai perkara yang dikemukakan oleh Pereka Bentuk Dalam supaya tidak melambatkan kerja Pereka Bentuk Dalam itu.

Klien hendaklah membayar fi dan caj untuk mengemukakan permohonan bagi kelulusan.

15. Klien hendaklah membayar semua fi atau caj berkaitan dengan pengemukakan permohonan untuk kelulusan bagi perancangan bandar, penukaran hakmilik tanah, kelulusan bangunan atau kelulusan statutori yang lain yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan hendaklah berbuat sedemikian dalam masa yang munasabah supaya tidak melambatkan kemajuan projek itu.

Penggantungan perkhidmatan.

16. (1) Pereka Bentuk Dalam hendaklah, sekiranya klien gagal membayar fi yang dituntut dalam tempoh yang dinyatakan dalam suatu perjanjian yang dibuat antaranya dengan klien, berhak untuk menggantung perkhidmatannya yang tidak terjumlah kepada suatu penamatan, yang penggantungan itu bermula apabila Pereka Bentuk Dalam telah

menyampaikan dengan sewajarnya suatu notis penggantungan secara bertulis kepada klien.

(2) Penggantungan di bawah subperenggan (1) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga fi dibayar atau diselesaikan, atau dalam hal berlakunya suatu pertikaian, sehingga perkara itu dirujuk untuk ketetapan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 23 atau 24.

Penamatan guna khidmat.

17. (1) Perjanjian yang dibuat antara Pereka Bentuk Dalaman dengan klien boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh mana-mana satu pihak dengan menyampaikan suatu notis penamatan secara bertulis kepada pihak yang satu lagi, yang penamatan itu hendaklah mula berkuat kuasa selepas tempoh enam puluh hari dari tarikh notis bertulis itu, atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui antara Pereka Bentuk Dalaman itu dengan klien.

(2) Walau pun notis penamatan telah disampaikan di bawah subperenggan (1), Pereka Bentuk Dalaman hendaklah terus memberikan perkhidmatan sehingga tarikh penamatan perjanjian itu.

Pereka Bentuk Dalaman hendaklah mengemukakan akaun.

18. Pereka Bentuk Dalaman hendaklah mengemukakan akaunnya kepada klien untuk baki fi yang kena dibayar bersama dengan apa-apa tuntutan lain yang belum dijelaskan untuk caj bayaran ganti tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh penamatan perjanjian yang dibuat antaranya dengan

klien.

Pelantikan Pereka Bentuk Dalaman yang lain.

19. Sekiranya perjanjian yang dibuat antara Pereka Bentuk Dalaman dengan klien ditamatkan oleh suatu sebab yang tidak berpunca daripada kesalahan mana-mana satu pihak, Pereka Bentuk Dalaman hendaklah, tertakluk kepada hak mana-mana satu pihak berkenaan dengan kemungkiran perjanjian yang berlaku terdahulunya antara kedua-dua pihak, mengenakan baki bayaran fi untuk perkhidmatan yang telah diberikan sehingga ke peringkat penamatan itu bersama dengan semua caj bayaran ganti, dan selepas penyelesaian sepenuhnya semua fi dan caj yang kena dibayar daripada klien, Pereka Bentuk Dalaman itu hendaklah mengeluarkan suatu surat pelepasan kepada klien dan klien berhak untuk melantik Pereka Bentuk Dalaman yang lain untuk meneruskan projek itu dengan syarat bahawa kehendak surat pelepasan itu boleh diketepikan mengikut budi bicara Lembaga.

Hak cipta berkenaan dengan kerja yang dilaksanakan oleh Pereka Bentuk Dalaman.

20. Menurut seksyen 14 Akta Hakcipta 1987, hak cipta ke atas semua dokumen dan lukisan yang disediakan oleh Pereka Bentuk Dalaman, termasuk apa-apa kerja yang dilaksanakan berdasarkan dokumen dan lukisan sedemikian, hendaklah tetap menjadi hak milik Pereka Bentuk Dalaman itu, melainkan jika dipindahkan hak miliknya kepada klien mengikut apa-apa terma dan pertimbangan sebagaimana yang dipersetujui antara Pereka Bentuk Dalaman dengan klien itu.

Hak ke atas dokumen.

21. (1) Jika Pereka Bentuk Dalaman telah memberikan perkhidmatan setakat dan termasuk Fasa

Dokumentasi Kontrak dan telah menerima fi yang sepatutnya kena dibayar kepadanya, klien berhak untuk mengulangi kegunaan reka bentuk itu bagi maksud melaksanakan projek itu, dengan syarat bahawa projek itu adalah di atas tapak yang baginya reka bentuk itu telah disediakan pada asalnya.

(2) Hak untuk menggunakan reka bentuk asal itu sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi kerja penyelenggaraan, pembaikan, pembaharuan, pengembalian kepada kedudukan asal atau pun pengubahsuaian projek itu.

Penyerahan dokumen apabila ditamatkan.

22. Apabila tamat perjanjian antara Pereka Bentuk Dalaman dengan klien, dan penyelesaian sepenuhnya semua bayaran yang kena dibayar atau apabila menerima suatu jaminan untuk bayaran yang boleh diterima, Pereka Bentuk Dalaman itu hendaklah menyerahkan kepada klien salinan lukisan, spesifikasi dan dokumen lain yang berhubungan dengan projek itu yang ada dalam milikan Pereka Bentuk Dalaman itu.

Pengantaraan.

23. (1) Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian antara Pereka Bentuk Dalaman dengan klien, sama ada yang berbangkit semasa atau selepas memberikan perkhidmatan di bawah suatu perjanjian yang dibuat antaranya dengan klien, pihak-pihak boleh merujukkan pertikaian itu untuk pengantaraan mengikut garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(2) Rujukan pertikaian terlebih dahulu kepada pengantaraan di bawah subperenggan (1) tidak boleh menjadi suatu syarat terdahulu bagi merujukkan pertikaian itu kepada timbang tara sama ada oleh Pereka Bentuk Dalaman atau klien itu, dan tiada mana-mana hak mereka untuk merujukkan pertikaian itu kepada timbang tara di bawah perenggan 24 boleh terjejas atau tersentuh dalam apa-apa jua cara.

Timbang tara.

24. (1) Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian antara Pereka Bentuk Dalaman dengan klien, sama ada yang berbangkit semasa atau selepas memberikan perkhidmatan di bawah suatu perjanjian yang dibuat antara Pereka Bentuk Dalaman dengan klien, mana-mana satu pihak hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada pihak yang satu lagi yang memaklumkan mengenai perkara yang dipertikaikan dan yang menghendaki penyelesaiannya.

(2) Pereka Bentuk Dalaman dan klien hendaklah melantik seorang penimbang tara dalam masa empat belas hari dari tarikh notis itu.

(3) Jika Pereka Bentuk Dalaman dan klien gagal melantik seorang penimbang tara dalam masa empat belas hari dari tarikh notis itu, mana-mana satu pihak boleh mengemukakan suatu permintaan bertulis kepada Yang Dipertua Lembaga supaya melantik seseorang untuk berkhidmat sebagai penimbang tara, yang awardnya adalah muktamad dan mengikat kedua-dua Pereka Bentuk Dalaman dan klien itu.

Kematian atau  
ketidakupayaan  
Pereka Bentuk  
Dalaman.

25. (1) Sekiranya berlaku kematian atau ketidakupayaan Pereka Bentuk Dalaman yang merupakan tuan punya tunggal, guna khidmat Pereka Bentuk Dalaman itu hendaklah dianggap sebagai telah ditamatkan.

(2) Klien boleh, apabila dibayar semua fi dan bayaran lain yang kena dibayar berkenaan dengan penggunaan khidmat Pereka Bentuk Dalaman itu, menggunakan semua lukisan dan dokumen yang disediakan oleh Pereka Bentuk Dalaman itu, dengan syarat bahawa ia adalah hanya bagi maksud melaksanakan projek di atas tapak yang baginya reka bentuk itu telah disediakan pada asalnya.”

**Pindaan Jadual Keempat**

20. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Keempat dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT

BAHAGIAN SATU

[Subkaedah 29(1)]

MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA KLIEN DENGAN ARKITEK  
PROFESIONAL UNTUK PERKHIDMATAN PERUNDINGAN SENI BINA

MEMORANDUM PERJANJIAN yang dibuat pada.....haribulan.....20.....

ANTARA .....

(kemudian daripada ini disebut “Klien”, yang ungapannya termasuklah wakil di sisi undang-undang, pengganti dalam hakmilik dan pemegang serah hak yang dibenarkan) pada satu pihak,

DENGAN.....

yang menjalankan amalan sebagai Arkitek Profesional di.....

.....

*\*di bawah gaya (nama \*ketuanpunyaan tunggal/perkongsian/pertubuhan perbadanan).....*

(kemudian daripada ini disebut “Arkitek Profesional” yang ungapannya termasuklah wakil di sisi undang-undang, pengganti dalam hakmilik dan pemegang serah hak yang dibenarkan) pada pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Klien berhasrat untuk melantik Arkitek Profesional untuk memberikan perkhidmatan perundingan seni bina (perihalkan skop perkhidmatan) .....

.....

untuk projek yang diperihalkan di sini (nyatakan tajuk projek dan lokasi)

.....

.....

(kemudian daripada ini disebut “Projek”).

MAKA DENGAN INI dipersetujui seperti yang berikut:

1. Klien dengan ini melantik Arkitek Profesional untuk memberikan perkhidmatan perundingan seni bina untuk Projek itu tertakluk kepada dan mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat Arkitek Profesional sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 dan Arkitek Profesional dengan ini menerima pelantikan itu bagi maksud memberikan perkhidmatan perundingan seni bina bagi Klien itu, tertakluk kepada dan mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat Arkitek Profesional.
2. Memorandum Perjanjian ini, Syarat-Syarat Guna Khidmat Arkitek Profesional dan Kaedah-Kaedah Arkitek (Skala Fi Minimum) 2010 hendaklah bersama membentuk Perjanjian antara Klien dengan Arkitek Profesional.
3. Sebagai balasan kepada Arkitek Profesional memberikan perkhidmatan perundingan seni bina yang dikehendaki, Klien dengan ini bersetuju untuk membayar Arkitek Profesional mengikut Kaedah-Kaedah Arkitek (Skala Fi Minimum) 2010.
4. Lat tempoh pembayaran adalah \*setiap bulan/.....bermula dari permulaan pelantikan Arkitek Profesional itu.
5. \*Amaun yang disebut dalam subperenggan 8(c) Syarat-Syarat Guna Khidmat Arkitek Profesional untuk kerja perubahan ialah RM .....

DENGAN DISAKSIKAN kedua-dua pihak dengan ini telah menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tahun yang pertamanya bertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:

.....

untuk dan bagi pihak KLIEN

.....

(Tandatangan Klien)

Di hadapan

Nama: .....

(Saksi)

Alamat: .....

.....

.....

.....

(Tandatangan Saksi)

DITANDATANGANI OLEH:

.....

untuk dan bagi pihak  
ARKITEK PROFESIONAL

.....

(Tandatangan Arkitek  
Profesional)

Di hadapan

Nama: .....

(Saksi)

Alamat: .....

.....

.....

.....

(Tandatangan Saksi)

---

*\* potong mana-mana yang tidak berkenaan*

BAHAGIAN DUA

[Subkaedah 29(3)]

MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA KLIEN DENGAN  
PEREKA BENTUK DALAMAN UNTUK PERKHIDMATAN  
PERUNDINGAN REKA BENTUK DALAMAN

MEMORANDUM PERJANJIAN yang dibuat pada.....haribulan.....20.....

ANTARA .....

(kemudian daripada ini disebut “Klien”, yang ungapannya termasuklah wakil di sisi undang-undang, pengganti dalam hakmilik dan pemegang serah hak yang dibenarkan) pada satu pihak,

DENGAN.....

yang menjalankan amalan sebagai Pereka Bentuk Dalaman di .....

.....  
\* di bawah gaya (*nama \*ketuanpunyaan tunggal/perkongsian/pertubuhan perbadanan*) .....

(kemudian daripada ini disebut “Pereka Bentuk Dalaman”, yang ungapannya termasuklah wakil di sisi undang-undang, pengganti dalam hakmilik dan pemegang serah hak yang dibenarkan) pada pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Klien berhasrat untuk melantik Pereka Bentuk Dalaman untuk memberikan perkhidmatan perundingan reka bentuk dalaman (perihalkan skop perkhidmatan)

.....

.....

untuk projek yang diperihalkan di sini (nyatakan tajuk projek dan lokasi).....

.....

(kemudian daripada ini disebut “Projek”).

MAKA DENGAN INI dipersetujui seperti yang berikut:

1. Klien dengan ini melantik Pereka Bentuk Dalaman untuk memberikan perkhidmatan perundingan reka bentuk dalaman untuk Projek itu tertakluk kepada dan mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat Pereka Bentuk Dalaman sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 dan Pereka Bentuk Dalaman dengan ini menerima pelantikan itu bagi maksud memberikan perkhidmatan perundingan reka bentuk dalaman bagi Klien itu, tertakluk kepada dan mengikut Syarat-Syarat Guna Khidmat Pereka Bentuk Dalaman.
2. Memorandum Perjanjian ini, Syarat-Syarat Guna Khidmat Pereka Bentuk Dalaman dan Jadual Fi hendaklah bersama membentuk Perjanjian antara Klien dengan Pereka Bentuk Dalaman.
3. Sebagai balasan kepada Pereka Bentuk Dalaman memberikan perkhidmatan perundingan reka bentuk dalaman yang dikehendaki, Klien dengan ini bersetuju untuk membayar Pereka Bentuk Dalaman mengikut Jadual Fi.
4. Lat tempoh pembayaran adalah \*setiap bulan/..... bermula dari permulaan pelantikan Pereka Bentuk Dalaman itu.
5. \*Amaun yang disebut dalam subperenggan 8(c) Syarat-Syarat Guna Khidmat Pereka Bentuk Dalaman untuk kerja perubahan ialah RM.....

DENGAN DISAKSIKAN kedua-dua pihak dengan ini telah menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tahun yang pertamanya bertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:

.....  
untuk dan bagi pihak KLIEN

.....  
(Tandatangan Klien)

Di hadapan

Nama: .....

(Saksi)

Alamat: .....

.....

.....

.....

(Tandatangan Saksi)

